

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJONG SURAT)  
SOALAN 13 (A203)**

Adakah jalan-jalan negeri dalam kawasan DUN Tanjung Surat masih diselenggara oleh syarikat konsesi yang sama memandangkan syarikat berkenaan telah lama tiada kelihatan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

Jalan-jalan negeri yang berada di dalam kawasan DUN Tanjung Surat masih diselenggara oleh syarikat konsesi Teto Engineering Sdn.Bhd. Untuk makluman, pada tahun lepas Syarikat Konsesi telah melaksanakan kerja-kerja berkala pavemen dengan kos hampir 1 juta di jalan pasir gogok dan pada tahun 2019 sebanyak 250,000.00 telah diperuntukan untuk jalan feri bagi kerja-kerja berkala pavemen yang telah siap dilaksana ditapak.

Untuk makluman juga, terdapat sebahagian jalan yang berada di dalam dun Tanjung Surat dalam proses nyah warta daripada jalan persekutuan. Apabila proses nyah ini selesai, jalan tersebut akan diwartakan didalam Jalanraya Negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB DATUK SAMSOL BARI BIN JAMALI (SEMARANG)  
SOALAN 14 (A95)**

Apakah inisiatif dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan melalui mana-mana pihak dari Kerajaan untuk peniaga-peniaga di Kompleks Arena Warna Ayer Hitam?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI**

Kerajaan Negeri Johor menerusi Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB) dan Majlis Daerah Yong Peng telah memberikan insentif Bantuan Sempena Pembukaan Lot Niaga Baharu Di Ayer Hitam pada Oktober 2018 lepas yang melibatkan 104 usahawan dengan kos berjumlah RM 39,520.00 bagi pemberian papan iklan gerai. Untuk makluman YB, pihak kerajaan negeri akan sentiasa mempergiat usaha bagi memperkasakan Kompleks Arena Warna Ayer Hitam.

Pihak Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) telah melakukan promosi terhadap Arena Warna seperti melakukan lawatan teknikal ke Arena Warna daripada pelbagai agensi kerajaan yang lain. Pihak MDYP juga telah mengadakan program lawatan bersama Persatuan Pemandu-pemandu Pelancongan ke Arena Warna untuk memperkenalkan dan membina hubungan dengan peniaga-peniaga di Arena Warna untuk menjadikan ia sebagai salah satu tempat perhentian pelancong dari pelbagai negeri. Di samping itu, pihak MDYP juga mengadakan program di Arena Warna seperti Townhall sebagai contoh townhall yang melibatkan jabatan-jabatan teknikal luar seperti SAJ, JPS, JKR dan Pejabat Tanah yang mana antara isu yang dibincangkan adalah mengenai isu-isu semasa penduduk, program yang boleh menarik pelancong datang ke arena warna, kadar sewa arena dan masalah saliran pengairan parit JPS.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN MUHAMMAD TAQIUDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)  
SOALAN 15 (A216)**

Boleh berikan pecahan penerima Biasiswa Dato Onn bagi setiap Daerah?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN**

Berikut merupakan pecahan penerima Biasiswa Kenangan Dato' Onn mengikut pecahan daerah bagi pelajar baru dan sedia ada (sedang ditaja) bagi tahun 2019 :

Johor Bahru 243, Batu Pahat 154, Tangkak 91, Muar 107, Kota Tinggi 57, Kulai 67, Segamat 64, Pontian 67, Mersing 38 dan Kluang 108. Jumlah keseluruhan ialah 996 (pelajar baru dan sedia ada)

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**

**SOALAN 18 (A88)**

Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memberikan ruang dan peluang kepada usahawan kecil luar bandar bagi membawa produk mereka ke peringkat yang lebih tinggi?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

PADA TAHUN INI, PIHAK IBU PEJABAT KPLB TELAH MENGANJURKAN SEBANYAK EMPAT KALI KARNIVAL USAHAWAN DESA MENGIKUT ZON BAGI TUJUAN MEMBANTU USAHAWAN-USAHAWAN LUAR BANDAR MEMPERKENALKAN PRODUK MEREKA KE PERINGKAT PASARAN YANG LEBIH TINGGI. SELAIN ITU, KPLB JUGA MEMPUNYAI BEBERAPA SKIM PEMBIAYAAN BAGI TUJUAN MEMBANTU USAHAWAN-USAHAWAN DESA SEPERTI SKIM PEMBIAYAAN EKONOMI DESA (SPED) DAN SKIM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN LUAR BANDAR (SPKLB) SERTA MEMPUNYAI BEBERAPA AGENSI YANG SENTIASA MEMBANTU USAHAWAN LUAR BANDAR DARI SEGI PEMASARAN SEPERTI MARA DAN KEJORA.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 17 (A198)**

Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan aduan lambat menerima wang bantuan dan kelewatan pembaharuan permohonan wang bantuan?

**JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG**

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor menggunakan kaedah-kaedah seperti senarai di bawah bagi mengurangkan aduan lambat menerima bantuan yang diterima :

1. Menghantar surat peringatan kepada semua penerima bantuan bagi tujuan kaji semula melalui Borang JKM 20 agar dikembalikan ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah 3 bulan sebelum tamat tempoh bantuan. Ia bertujuan supaya bantuan tidak terjejas atau ditamatkan bagi tujuan sambungan kaji semula untuk tempoh satu tahun berikutnya.
2. Penerima juga boleh hadir ke pejabat untuk menghantar borang tersebut bagi mengelakkan kelewatan diterima.
3. Semua penerima bantuan perlu membuka akaun bank masing-masing untuk bayaran bantuan dibayar melalui bank.
4. Proses bayaran dilaksanakan 100% melalui bank. Proses bayaran melalui sistem e-bantuan dan *1gfm*s. Tiada lagi bayaran secara tunai dilaksanakan.
5. Bayaran dilaksanakan seawal 5 haribulan setiap bulan untuk bulan berkenaan.
6. Meningkatkan dan menambahbaik sistem pengurusan kaunter dimana salah seorang petugas kaunter adalah pegawai S29.
7. Mewujudkan kaunter khas permohonan bantuan atau BPR (*Business Process Reengineering*) di mana kaunter khas ini khusus bagi memproses permohonan bantuan yang telah lengkap semua dokumen yang diperlukan dan tidak memerlukan siasatan lanjut seperti contoh permohonan bantuan EPC bagi OKU bekerja yang memenuhi syarat serta mempunyai kad OKU.
8. Mengadakan Program KAWAN di bawah Unit Komuniti Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Melalui program ini, JKM akan mengadakan program turun padang atau *out reach* di kawasan-kawasan pendalaman yang jauh dari bandar untuk membuka kaunter perkhidmatan JKM sekaligus memudahkan kes penerima bantuan sedia ada untuk berurusan.

Kaedah-kaedah di atas diguna pakai pada masa ini bagi mengatasi kelewatan kepada semua penerima bantuan agar semua penerima bantuan dapat menggunakan bantuan masing-masing bagi meneruskan kelangsungan hidup dan perbelanjaan harian.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN SUBRAMANIAM (TIRAM)**

**SOALAN 18 (A118)**

Kecurian kabel talian telefon berleluasa sehingga dibatalkan perkhidmatan TM Net terutama di Sungai Tiram dan Banfoo. Apakah tindakan Polis perkara ini.

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD**

TM dalam pelaksanaan untuk menaiktaraf infrastruktur di kawasan tersebut. Penduduk Banfoo dan Sungai Tiram akan dapat menikmati perkhidmatan unifi selewatnya Q1 2020.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB SENATOR DATO' ZAHARI BIN SARIP (BULOH KASAP)**

**SOALAN 19 (A177)**

Minta kerajaan menyatakan jumlah pekerja asing yang bekerja di negeri ini mengikut negara asal masing-masing selepas tamat tempoh yang dibenarkan.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN**

Pekerja asing yang bekerja di Negeri Johor hendaklah mempunyai pas kerja yang dibenarkan iaitu Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang perlu dimohon setiap tahun. Permohonan dari tempoh setahun ke setahun dibenarkan selama sepuluh (10) tahun pertama bagi pelbagai sektor adalah kelulusan dibawah Jabatan Imigresen Negeri Johor dan lanjutan tiga (3) tahun tambahan ( tahun ke 11, 12, dan 13) adalah dibawah kelulusan Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya. Manakala Sektor Pembantu Rumah, tempoh yang dibenarkan adalah selagi pekerja asing diperlukan majikan dan memenuhi syarat-syarat permohonan pembantu rumah.

Berikut adalah Perangkaan Pengambilan Pekerja Asing (pelbagai sektor dan PRA) bagi tahun 2017 sehingga Oktober 2019 :

BIL	SEKTOR	TAHUN			JUMLAH
		2017	2018	2019 (sehingga Oktober)	
1.	Pembantu Rumah (PRA)	1,851	26	3,503	5,380
2.	Pembinaan	8,686	16,998	4,950	30,634
3.	Pembuatan	487	577	37	1,101
4.	Perkhidmatan	6,415	17,288	7,946	31,649
5.	Perkilangan	18,801	62,609	26,331	107,741
6.	Perladangan	2,455	7,608	3,722	13,785
7.	Pertanian	3,219	12,950	6,452	22,621
Jumlah		41,922	118,056	52,951	212,929

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Imigresen tiada data bagi pekerja asing yang tamat tempoh

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB DATUK SAMSOL BARI BIN JAMALI (SEMARANG)  
SOALAN 20 (A97)**

Berapa ramaikah nelayan darat yang didaftarkan bergiat aktif di empangan Semberong dan jumlah keseluruhannya dalam negeri Johor dan apakah bantuan yang diperuntukkan kepada mereka.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

	JUMLAH NELAYAN DARAT YANG DIDAFTARKAN	PENERIMA ELAUN SARA HIDUP	BANTUAN
KLUANG	327	20	Pada tahun 2018, penerima bantuan touch point untuk nelayan darat adalah sebanyak rm60,000, untuk 120 orang nelayan darat yang berkelayakan.
BATU PAHAT	81	9	
• Bekok	• 39	• 7	
• Semberong	• 42	• 2	
SEGAMAT	176	7	
MUAR/LEDANG	130	15	
MERSING	20	6	
KOTA TINGGI	130	27	
PONTIAN	0	0	
JOHOR BAHRU/KULAI	0	0	
<b>JUMLAH</b>	<b>864</b>	<b>84</b>	

Jadual diatas menunjukkan jumlah nelayan berdaftar seluruh negeri pada tahun 2019 adalah seramai 864 orang. Tetapi hanya 306 orang adalah nelayan darat tulin sepenuh masa. Baki 558 orang adalah nelayan darat sampingan. Hanya 84 orang daripada 864 orang yang layak menerima elaun sara hidup nelayan darat.

Pada tahun 2018, sebanyak RM10,000.00 telah disalurkan untuk membantu nelayan darat di Empangan Semberong dari segi perolehan jaket keselamatan, alat bantuan kecemasan (first aid kits), alat pemadam api dan jarring ikan. Dengan harsat membantu meringankan beban nelayan darat dan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB HJ KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)**

**SOALAN 21 (A205)**

Simpang empat Jalan Pontian, Jalan Parit Jabar dan Jalan Parit Permatang kerap berlaku kemalangan. Bilakah permohonan lampu isyarat di simpang empat Jalan Pontian, Jalan Parit Jabar dan Jalan Parit Permatang akan diluluskan untuk pembinaan?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

Permohonan peruntukan berjumlah RM 1.0 juta bagi pemasangan lampu isyarat telah dipohon dalam program kerja ke Kementerian Kerja Raya bagi tujuan kelulusan pelaksanaan.

Apabila pemasangan lampu isyarat di simpang empat Jalan Pontian, Jalan Parit Jabar dan Jalan Parit Permatang ini dilaksanakan kelak ianya dapat mengurangkan kadar kemalangan yang sering berlaku.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)  
SOALAN 22 (A89)**

Sekiranya pekebun kecil kelapa sawit berskala kecil mempunyai Kadar Risiko Kredit (CRR) yang tinggi, adakah AgroBank akan menolak permohonan Skim Pinjaman Mudah TSPKS dan IPPKS atas dasar ketidakbolehpayaan membayar balik walaupun objektif skim yang disediakan untuk membantu golongan ini?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Secara umumnya penilaian risiko kredit bagi pembiayaan TSPKS/IPPKS adalah lebih longgar berbanding penilaian kredit yg diamalkan bagi pembiayaan komersial.

Elemen utama dlm Penilaian kredit komersial adalah risiko sikap (attitude risk) serta faktor yg boleh menjejaskan kemampuan bayaran pembiayaan. Berbanding dgn penilaian bagi pembiayaan TSPKS/IPPKS, hanya mengambilkira atas faktor risiko sikap kredit pelanggan sahaja.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)**

**SOALAN 23 (A25)**

Berapakah jumlah tadika yang belum didaftarkan di Johor?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN**

**JAWAPAN JKM**

Jabatan Kebajikan Masyarakat mengeluarkan perakuan pendaftaran dan mengawal selia TASKA manakala Tadika adalah di bawah kawal selia Jabatan Pelajaran Negeri.

Sehingga Oktober 2019, Taska yang berdaftar di negeri Johor adalah sebanyak 188 buah taska manakala taska tidak berdaftar ialah sebanyak 42 buah taska secara keseluruhannya.

**JAWAPAN PENDIDIKAN**

Untuk makluman Yang Berhormat jumlah tadika swasta di Negeri Johor yang beroperasi pada ketika ini adalah sebanyak 1462 buah. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut ;

1. Johor Bahru (352)
2. Kulai (151)
3. Pasir Gudang (344)
4. Muar (113)
5. Batu Pahat (146)
6. Kluang (98)
7. Segamat (68)
8. Pontian (68)
9. Tangkak (55)
10. Kota Tinggi (42)
10. Mersing (25)

Manakala jumlah masih belum didaftarkan dan sedang menunggu kelulusan permohonan setakat ini adalah berjumlah 80 buah.

1. Johor Bahru (17)
2. Kulai (10)
3. Pasir Gudang (27)
4. Muar (2)
5. Batu Pahat (10)
6. Kluang (1)
7. Segamat (4)

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

8. Pontian (Tiada)
9. Tangkak (Tiada)
10. Kota Tinggi (8)
11. Mersing (1)

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)**

**SOALAN 24 (A69)**

Apakah langkah kerajaan negeri untuk meningkat prasarana capaian Internet di daerah Segamat, yang masih terkebelakang dari kegunaan Unifi berasas fiber, serta capaian data tanpa wayar yang tidak meluas, khususnya di kawasan luar bandar?

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD**

TM sedang dalam pelaksanaan secara berperingkat untuk meluaskan liputan unifi dan data tanpa wayar di daerah Segamat.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)  
SOALAN 25 (A139)**

Melalui MPKK yang telah dibentuk, geran telah dipohon melalui kementerian pembangunan luar bandar iaitu geran keceriaan dan pembangunan, berapakah jumlah MPKK yang telah menerima geran tersebut pada tahun 2019.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

BAGI TAHUN 2019, SEBANYAK 455 BUAH MPKK TELAH MENERIMA GERAN MPKK BERJUMLAH RM 4.55 JUTA.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)**

**SOALAN 26 (A59)**

Bilakah tarikh pelaksanaan Rumah Mampu Milik Johor yang akan dilaksanakan di Yong Peng.

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD**

Untuk makluman, perancangan pembangunan Rumah Mampu Biaya Johor di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Yong Peng adalah seperti berikut:

PEMAJU	PROJEK	PARLIMEN / DUN	BILANGAN UNIT	TAHUN JANGKA SIAP
SIN SOON REALTY COMPANY (M) SDN BHD	TAMAN SINAR IMPIAN	AYER HITAM / YONG PENG	36	2019
IMPRESSIVE LAND DEVELOPMENT SDN. BHD.	TAMAN ORKID	AYER HITAM / YONG PENG	56	2019
SAM & KELUARGA HOLDINGS SDN. BHD.	TAMAN SERI LALANG PERMAI	AYER HITAM / YONG PENG	35	2021-2023
MUDI PEMBINAAN SDN. BHD.	TAMAN SUTERA	AYER HITAM / YONG PENG	157	2021-2023
<b>JUMLAH</b>			<b>284</b>	<b>-</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)**

**SOALAN 27 (A65)**

Apakah status terkini Daerah Segamat sebagai salah satu wilayah yang dicadang akan dimasukkan dalam kawasan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) seperti yang disebut dalam Bajet 2019 Negeri Johor?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

1. Yang Berhormat Tuan Speaker Dewan, izinkan saya menjawab soalan yang diajukan daripada Yang Berhormat Kemelah.
2. Cadangan menjadikan Segamat sebagai salah satu daerah / kawasan dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) telah dinyatakan dalam ucapan Belanjawan Johor 2019 selepas mengambilkira cadangan perkara ini diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu semasa lawatan kerja beliau ke daerah Segamat pada 3 April 2018.
3. Maka tindakan susulan telah diambil oleh pihak kerajaan untuk merealisasikan cadangan ini.
4. Untuk Makluman Yang Berhormat, Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Akta 688) perlu dipinda terlebih dahulu bagi memuktamadkan kemasukan daerah Segamat sebagai sebahagian dari ECER.
5. Cadangan draf pindaan bagi Seksyen 4, Akta tersebut dan dokumen-dokumen sokongan telah dikemukakan kepada Seksyen Badan-Badan Berkanun, Kementerian Kewangan (MOF) dan perkara ini sedang dalam penelitian MOF secara menyeluruh sebelum dibawa ke Majlis Jemaah Menteri.
6. Pada masa yang sama, di peringkat kerajaan Negeri Johor, kertas kerja terhadap cadangan kemasukan daerah Segamat sebagai salah satu wilayah ECER telah dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 21 November 2018 melalui Ringkasan Mesyuarat Bil.1669/2018 dan seterusnya MMK telah bersetuju dengan cadangan tersebut.
7. Sementara menunggu proses pindaan akta diselesaikan, pihak kerajaan negeri bersama pihak ECERDC telah mengambil langkah terkehadapan untuk merangka aktiviti pembangunan di daerah Segamat bagi meningkatkan peluang penjanaan ekonomi setempat, Antaranya :
  - i. Memperkasa Segamat sebagai "Bio-Agro Valley", sejajar dengan pembangunan ekonomi berasaskan pertanian di daerah ini.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

- ii. Memulakan pelaksanaan Model Syarikat Induk bagi projek-projek perniagaan tani di daerah Segamat dengan mengambil contoh pelaksanaan di Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu Tenusu di Muadzam Shah dan Pusat Tanaman Nanas Bersepadu di Rompin.
  - iii. Mengenalpasti pemain-pemain industri pertanian yang berpotensi di Segamat dan juga tanah yang sesuai untuk dibangunkan dalam skala yang besar.
8. Kesimpulannya, usaha untuk menjadikan Segamat sebagai salah satu daerah / kawasan ECER akan direalisasikan. Insya Allah.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB DATUK SAMSOL BARI BIN JAMALI (SEMARANG)  
SOALAN 28 (A99)**

Bagaimanakah status kemajuan urusan pemberian 60% saham projek Bandar Malaysia oleh Iskandar Waterfront Holdings Bhd dan China Railway Engineering Corp dan bagaimanakah kedudukan terkini kepentingan KPRJ dalam segi peratusan pemilikan sahamnya.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon izin untuk menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Semarang.

Pada 19 April 2019, Kerajaan Malaysia telah bersetuju agar Projek Bandar Malaysia diteruskan. Manakala Syarikat IWH-CREC Sdn Bhd ('ICSB'), syarikat usahasama di antara Iskandar Waterfront Holdings Sdn Bhd ('IWH') (60%) dan China Railway Engineering Corp Sdn Bhd ('CREC') (40%) dilantik semula sebagai rakan usahasama Projek Bandar Malaysia melalui pembelian 60% ekuiti di dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd ('BMSB').

Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPRJ mempunyai pegangan 36.87% saham di dalam IWH. Sekiranya pembelian 60% saham di dalam BMSB oleh ICSB selesai, KPRJ akan mempunyai pegangan secara tidak langsung sebanyak 13.27%.

Sehingga kini, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan masih dalam perbincangan di peringkat akhir Perjanjian Jual Beli 60% saham tersebut dan akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB DATUK SAMSOL BARI BIN JAMALI (SEMARANG)  
SOALAN 29 (A100)**

Berapakah jumlah ekar tambahan tanah Rizab Melayu yang didaftarkan dari tahun 2018 hingga kini dan berapakah jumlah keluasan tanah rizab Melayu serta peratusannya di seluruh negeri Johor sehingga kini.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Semarang berkenaan jumlah ekar tambahan tanah Rizab Melayu yang didaftarkan dari tahun 2018 hingga kini dan jumlah keluasan di seluruh johor.

Untuk makluman Yang Berhormat, merujuk kepada data inventori Rizab Melayu di Pentadbiran Tanah Johor, keluasan tanah Rizab Melayu pada April 2018 adalah 556,312.421 hektar.

Selaras dengan dasar kerajaan negeri agar mana-mana tanah kerajaan yang diber milik kepada orang-orang Melayu akan disyaratkan menjadi Tanah Rizab Melayu berdasarkan peruntukan Seksyen 6 Enakmen Rizab Melayu Johor 1936.

Maka data keluasan **Rizab Melayu Johor akan terus bertambah dari semasa ke semasa.**

Selain itu, untuk tempoh dari bulan Mei 2018 sehingga Oktober 2019, keluasan Tanah Rizab Melayu telah meningkat 1,250.897 hektar **menjadikan luas keseluruhan Tanah Rizab Melayu di Negeri Johor adalah 557,563.318 hektar atau 1,377,766.837 ekar.**

Mewakili Kerajaan Negeri Johor, saya akan sentiasa mengambil pendekatan agar tanah-tanah Rizab Melayu ini dilindungi dengan baik.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**

**SOALAN 30 (A112)**

Minta nyatakan pendirian Kerajaan Negeri berkenaan artikel “The Edge” pada Ogos dan September 2019 yang khuatir tentang pelaburan serta pembangunan di Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima Kasih YB Speaker, izinkan saya menjawab soalan berkenaan artikel “The Edge” yang melibatkan pelaburan serta pembangunan di Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia.

Wilayah Pembangunan Iskandar atau Iskandar Malaysia telah diwujudkan pada tahun 2006 bagi tujuan menarik pelaburan dan merencanakan pembangunan dengan visi untuk menjadi sebuah metropolis kukuh dan mampan bertaraf antarabangsa.

Melihat dari segi jumlah pelaburan, **Iskandar Malaysia telah berjaya menarik jumlah pelaburan terkumpul sebanyak RM302 bilion setakat Jun 2019.**

Daripada jumlah tersebut, hampir 60 peratus pelaburan telah pun direalisasikan sekaligus **memberi manfaat kepada rakyat tempatan dari segi peluang pekerjaan.** Sehingga Disember 2018, Iskandar Malaysia **telah berjaya mewujudkan 772,130 peluang pekerjaan** kepada rakyat tempatan.

Dari **segi pertumbuhan ekonomi** pula, bagi tempoh 2011 hingga 2018, Iskandar Malaysia telah berjaya mencatat pertumbuhan purata ekonomi sebanyak 6.4 peratus, jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan kadar pertumbuhan purata ekonomi Negeri Johor dan kebangsaan yang masing – masing sebanyak 5.8 peratus dan 5.1 peratus.

Selain itu, pertumbuhan ekonomi di Iskandar Malaysia merangkumi hampir 70 peratus daripada pertumbuhan ekonomi Negeri Johor.

Untuk makluman Ahli yang berhormat, walaupun Iskandar Malaysia berdepan dengan masalah atau rintangan sepertimana yang disebutkan di dalam artikel “The Edge” pada bulan Ogos dan September 2019 yang lalu, pihak IRDA dan kerajaan negeri bersama-sama agensi kerajaan yang lain telah menyediakan **beberapa cadangan bagi mendepani cabaran** tersebut.

**Antara cadangan bagi menangani masalah tersebut** terutama mengenai lambakan hartanah yang tidak terjual di Iskandar Malaysia adalah kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan serta pemaju **berusaha memahami punca utama pemasalahan** berkenaan lambakan hartanah yang tidak terjual.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

Selain itu, pemaju juga disyorkan untuk membahagi-bahagikan lot yang tidak terjual, supaya lot – lot ini boleh dijual dengan harga yang lebih murah.

Bagi menangani masalah membabitkan kekurangan tenaga pekerja mahir, adalah dicadangkan agar lebih banyak lagi usaha untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi di Iskandar Malaysia yang berupaya menawarkan pekerjaan bergaji tinggi yang seterusnya dapat mengekalkan tenaga pekerja mahir di Iskandar Malaysia.

Walaupun Iskandar Malaysia berdepan dengan segala masalah dan rintangan yang disebutkan di dalam artikel tersebut, kerajaan negeri mengakui bahawa Iskandar Malaysia sejak kewujudannya telah berjaya memberi manfaat kepada rakyat tempatan dari segi peluang pekerjaan dan limpahan kepada ekonomi Negeri Johor dan Malaysia secara keseluruhannya.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)  
SOALAN 31 (A135)**

Adakah terdapat suatu blueprint pembasmian kemiskinan di negeri Johor dan sekiranya kerajaan negeri bercadang meneliti semula statistik kadar serta penanda aras kemiskinan/kemiskinan tegar di bandar dan luar bandar dengan mengambil kira indeks multi dimensi (Multidimensional Poverty Index)?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman YB Maharani, kadar kemiskinan rasmi di Malaysia dikira berdasarkan data data penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR&KA). Proses ini **dilakukan mengikut paaawaian amalan antarabangsa berdasarkan *Canberra Group Handbook on Household Income Statistics, Second Edition (2011)*** yang diterbitkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Bagi menambah baik pengukuran kemiskinan sedia ada, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah memulakan kajian semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sejak bulan Mac 219.

Pelaksanaan kajian ini sedang giat dijalankan dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia serta jabatan dan agensi berkaitan.

Model tersebut perlu dikaji semula supaya lebih menggambarkan corak penggunaan dan keperluan serta demografi semasa isi rumah. Dapatan kajian semula PGK ini akan dijadikan input untuk Rancangan Malaysia Kedua belas (RMK – 12).

Di samping meneruskan penggunaan PGK, Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) diperkenal dalam Kajian Separuh Penggal (KSP) RMK-11 bagi mengukur dan memantau kemiskinan dari pelbagai dimensi iaitu kesihatan, pendidikan, taraf hidup dan pendapatan supaya lebih holistik dan inklusif.

Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan juga telah mewujudkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) sebagai satu *blueprint* untuk negara menjana pertumbuhan ekonomi yang rancak dan mencipta kejayaan supaya kemakmuran negara dikongsi bersama tidak mengira lapisan masyarakat yang dinikmati oleh semua rakyat Malaysia.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)**

**SOALAN 32 (A191)**

Sejauh manakah keberkesanan ekonomi gig e-hailing kepada rakyat dan bagaimanakah cara kerajaan negeri Johor menggalakkan generasi muda untuk menceburi bidang ekonomi gig?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Serom berkenaan keberkesanan ekonomi gig e-hailing kepada rakyat dan cara kerajaan Negeri Johor menggalakkan generasi muda untuk menceburi bidang ekonomi gig.

Untuk makluman Yang Berhormat Serom, ekonomi gig ini merupakan satu konsep yang **memberi peluang kepada orang ramai mendapat pendapatan dengan pelbagai platform.**

Ekonomi gig mengalih kebergantungan kerja ini kepada **gaji berdasarkan wang.** Ia bermaksud satu fasa perubahan industri ke arah aktiviti ekonomi berpengetahuan, digital teknologi, berkemahiran dengan gaji yang setimpal.

Ekonomi gig yang muncul atas evolusi era teknologi ini, menyaksikan kumpulan 'start-up' berasaskan ekonomi bersama seperti e-hailing.

Apa yang kita lihat sekarang ini, industri ini semakin berkembang maju apabila lebih ramai orang bergantung kepada e-hailing terutamanya di kawasan bandar.

Saya memetik makluman daripada **Perbadanan Pengangkutan Awam Johor** bahawa perkhidmatan e-hailing telah membuka ruang kepada pemandu-pemandu yang mempunyai kenderaan sendiri bagi memperolehi pendapatan tambahan dengan bekerja separuh masa. Namun ada juga pemandu yang menggunakan sistem e hailing ini sebagai pendapatan utama mereka.

Secara tidak langsung ia **memberi ruang pendapatan tambahan dan peluang perkerjaan** kepada mereka yang ingin menaikkan taraf hidup mereka sendiri.

Saya tidak nafikan perkara ini juga mendatangkan perasaan kurang senang segelintir pengusaha teksi yang merungut semenjak e-hailing diwujudkan.

**Ada yang merungut pendapatan mereka berkurangan** kerana ramai pengguna lebih mudah menggunakan perkhidmatan e-hailing ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 27 NOVEMBER 2019**

Bagi menyelesaikan masalah ini, Kerajaan pusat di bawah Kementerian Pengangkutan **memantau dan mewajibkan sistem e-hailing yang sedia ada sekarang ini mestilah berdaftar mengikut garis panduan yang ditetapkan** bagi menangani isu-isu keselamatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita sedar bahawa teknologi pada masakini mengajar kita untuk sentiasa kreatif dan berinovasi, Oleh itu, kebangkitan ekonomi gig ini menunjukkan bahawa ilmu yang diperoleh di universiti masih tidak cukup tanpa kemahiran insaniah.

Kesimpulannya, kerajaan negeri menyambut baik bagi generasi muda menceburi bidang ekonomi gig untuk meningkatkan taraf hidup mereka.